Sharing a personal experience of caring for her father, former Hulu Kelang assemblyman Saari Sungib who has Parkinson's disease, Anfaal underscored the complexities involved in providing both emotional and medical care to ailing seniors, which is often beyond the capabilities of most families.

"In most cases, the families don't know how to care for the elderly and sick," she said.

To address the knowledge gap in senior care, Anfaal encouraged the public to enrol in courses offered by Institut Sosial Malaysia under the Women, Family and Community Development Ministry.

These programmes aim to empower individuals with caregiving skills while providing potential income opportunities.

Anfaal acknowledged the challenges faced by the "sandwich generation," primarily women who juggle responsibilities for both children and elderly



Anfaal says caring for the elderly extends beyond financial obligations.

parents or in-laws alongside their careers.

In response, she said the state government would launch the Selangor Care Economy Policy by the end of this month, which would include guidelines for senior care, and serve as a referral point for local councils in estab-



Patient abandonment on the rise

HKL dealing with more seniors, drug addicts and poor folk with nowhere to go



Flashback to *StarMetro*'s report on July 12.

lishing senior homes.

"Through the Selangor Care Economy Council, we will undertake research to identify challenges within the caregiving sector," she said, adding that it would also include developing user-friendly guidelines for senior care homes to ensure

compliance and prevent illegal operations.

Ultimately, Anfaal stressed the importance of a collaborative approach involving communities, corporations and families to support seniors and enable them to age with their well-being in mind.

THE STAR

15 JUL 2024

Tarikh:.....

SH 157

DBKL kompaun kontraktor culas

KUALA LUMPUR - Melakukan kerja pembaikan melebihi waktu ditetapkan, tidak meletakkan papan tanda isyarat lalu lintas serta menutup jalan tanpa kebenaran antara kesalahan dikesan dilakukan kontraktor ketika melakukan kerja pembaikan jalan raya.

Menurut Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), pihaknya sentiasa memantau kerja pembaikan jalan di sekitar ibu negara seperti di Jalan Sungai Besi, Jalan Kuchai Lama, Jalan Syed Putra, Jalan Cheras, Jalan Raja Abdullah, Jalan Genting Kelang dan Jalan Kilang.

"DBKL turut mengesan beberapa kesalahan dan pelanggaran prosedur ope-

rasi standard (SOP) dilakukan kontraktor dilantik.

"Selain itu, ada di antaranya melonggokkan sisa di jalan dan tidak mengutamakan kebersihan serta keselamatan," katanya menerusi perkongsian di Facebook pada Ahad.

Katanya, sebanyak 10 Notis Kesalahan Am dikeluarkan mengikut Akta Jalan Parit Dan Bangunan 1974, Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Undang-undang Kecil Pengangkutan Bahan (WPKL) 1997.

"DBKL akan terus melakukan pemantauan dan penguatkuasaan dari semasa ke semasa," katanya.

SINAR HARIAN

Tarikh:1.5.....2024.

RM250j ketirisan diesel dapat dielak

Pengurangan ketara jualan di seluruh negara termasuk berdekatan sempadan sejak penyasaran subsidi

Oleh **ADILA SHARINNI WAHID**
TUMPAT

Kerajaan menganggarkan lebih RM250 juta jumlah ketirisan diesel dapat dielakkan melalui penyeludupan atau penyelewengan dari stesen minyak di seluruh sempadan semenanjung negara sejak langkah penyasaran subsidi bermula 10 Jun lepas. Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan berkata, pada awal Jun lalu, purata jualan harian diesel dari stesen minyak di Semenanjung Malaysia

adalah 28.6 juta liter sehari manakala pada awal Julai ini, purata jualan harian diesel tersebut turun kepada 22.2 juta liter sehari.

"Berlaku pengurangan sebanyak 6.5 juta liter sehari atau 23 peratus jualan diesel.

"Mengambil kira tiada faktor mendorong pengurangan kegunaan diesel antara Jun dan Julai, boleh disimpulkan bahawa sebelum penyasaran subsidi diesel, sekurangnya 6.5 juta liter sehari diselewengkan sama ada oleh industri atau diseludup ke negara jiran.

"Daripada jumlah ini, kerajaan boleh menganggarkan jumlah ketirisan yang dapat dielakkan bernilai lebih RM250 juta sebulan," katanya pada sidang akhbar sempena Lawatan Kerja Kementerian Kewangan (MOF) ke Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan



AMIR HAMZAH

(ICQS) Pengkalan Kubor di sini pada Ahad.

Amir Hamzah berkata, kesimpulan itu turut disokong dengan data jualan diesel secara komersial yang meningkat sebanyak 4.8 juta liter sehari bagi tempoh perbandingan sama.

Sebelum ini katanya, ketika harga diesel bersubsidi di stesen minyak pada RM2.15 seliter, pihak industri mencari jalan menyumbangkan bekalan diesel dari stesen minyak berbanding membeli diesel secara komersil yang melebihi RM3 seliter.

"Sekarang dengan harga di stesen minyak pada RM3.35 seliter, industri tersebut beralih semula kepada membeli diesel secara komersial.

"Pada masa sama, terdapat stesen minyak di kawasan utara berdekatan sempadan mengalami kejatuhan jualan diesel

40 hingga 50 peratus, sekali gus memaparkan kejatuhan aktiviti penyeludupan ke negara jiran disebabkan pengurangan margin keuntungan penyeludup," katanya.

Dalam pada itu, berkaitan pelaksanaan subsidi petrol RON95 pula, Amir Hamzah memberitahu, kerajaan ketika ini masih memberi tumpuan dan memperhalusi keberkesanan penyasaran subsidi diesel.

"Seperti diterangkan dalam Parlimen, kerajaan masih melihat kelancaran pelaksanaan inisiatif penyasaran subsidi diesel.

"Beri masa kerajaan selesaikan dulu penyasaran subsidi diesel, baru akan lihat mekanisme mana sesuai untuk RON95," katanya.

Sebelum ini, inisiatif penyasaran subsidi bahan api yang dimulakan dijangka dapat memperkukuh kedudukan fiskal negara dan mengurangkan ketirisan susulan aktiviti penyeludupan.

SINAR HARIAN
15 JUL 2024
Tarikh:

Bisnes



PELAKSANAAN rasionalisasi subsidi RON95 berkemungkinan besar dilakukan menerusi pendekatan berperingkat dan terukur untuk meminimumkan potensi kejutan kepada ekonomi dan pengguna. - Gambar NSTP/AIZUDDIN SAAD

RASIONALISASI SUBSIDI RON95

HM 15/7

LAKSANA BERPERINGKAT

Kuala Lumpur

Pelaksanaan rasionalisasi subsidi RON95 dijangka dilaksanakan secara berperingkat dan terukur bagi mengurangkan potensi kejutan kepada pengguna dan ekonomi, kata penganalisis.

Penganalisis TA Securities Farid Burhanuddin berkata, semua perhatian kini tertumpu kepada rasionalisasi subsidi RON95, yang pihaknya percaya akan dilaksanakan dalam tahun ini juga.

Beliau berkata, pihaknya berpandangan bahawa rasionalisasi subsidi RON95 berkemungkinan besar dilaksanakan menerusi pendekatan berperingkat dan terukur untuk meminimumkan potensi kejutan kepada ekonomi dan pengguna.

"Pelaksanaan yang teliti ini bertujuan mengimbangi kemampuan fiskal dengan keperluan mengurangkan kesan ke atas belanjawan isi rumah dan kestabilan ekonomi keseluruhan," katanya dalam satu

nota penyelidikan.

Farid berkata, menurut Bank Negara Malaysia (BNM), tekanan inflasi pada separuh kedua tahun ini berkemungkinan meningkat.

Namun, beliau berkata, kejutan itu mungkin terurus berikutan usaha kerajaan dalam menangani potensi kenaikan harga.

Katanya, langkah itu bertujuan untuk mengurangkan kesan ke atas pengguna dan mengekalkan kestabilan ekonomi.

Mengulas lanjut, Farid

berkata, inflasi keseluruhan dan teras berpurata sekitar 1.8 peratus dalam tempoh lima bulan tahun ini.

Beliau berkata, seperti dijangkakan, inflasi akan meningkat pada separuh kedua 2024, di tengah-tengah rasionalisasi subsidi diesel baru-baru ini.

Walaupun bagaimanapun, katanya, kenaikan inflasi akan kekal terkawal memandangkan langkah mitigasi untuk meminimumkan kesan kos ke atas perniagaan.

"Melangkah ke hadapan,

risiko kenaikan inflasi akan bergantung pada tahap kesan limpahan selanjutnya langkah dasar dalam negeri mengenai subsidi dan kawalan harga kepada arah aliran harga yang lebih luas, serta harga komoditi global dan perkembangan pasaran kewangan.

"Bagi tahun ini secara keseluruhan, inflasi utama dan teras dijangka berpu-rata dalam julat unjuran awal masing-masing 2.0 peratus hingga 3.5 peratus dan 2.0 peratus hingga 3.0 peratus," katanya.

HARIAN METRO

15 JUL 2024

Tarikh:

Tumpat: Kerajaan masih melihat keberkesanan inisiatif penyasaran subsidi diesel dan memfokuskan perkara itu sebelum pelaksanaan subsidi bersasar RON95 dibuat.

Menteri Kewangan II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan meminta agar rakyat tidak membuat sebarang spekulasi sebaliknya memberi masa kepada kerajaan menyelesaikan terlebih dahulu mengenai penyasaran subsidi diesel.

"Kita masih melihat keberkesanan inisiatif penyasaran subsidi diesel dan data kita tengok berjalan lancar atau tak masih diperhalusi.

"Dalam masa yang sama YB Rafizi (Menteri Ekonomi) dan Kementerian Ekonomi masih per-

PELAKSANAAN SUBSIDI BERSASAR RON95

Beri masa kerajaan selesai terlebih dahulu penyasaran subsidi diesel

halusi cara penyasaran RON95 yang berkesan, beri masa kita 'settle down' dulu untuk lihat (sama ada) cara yang sama (dengan penyasaran diesel) akan berkesan.

"Buat masa sekarang fokus (penyasaran subsidi) diesel dulu dan beri kerajaan cara untuk diperhalusi, tak elok kita spekulasi apa yang terjadi," katanya ketika sidang media di Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Kastam Diraja

Malaysia (JKDM) Pengkalan Kubor di sini, semalam.

Terdahulu, beliau diiringi Pengarah JKDM Kelantan Wan Jamal Abdul Salam Wan Long hadir di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin, dan Keselamatan (ICQS) Pengkalan Kubor sempena lawatan kerjanya.

Amir Hamzah berkata, sejak pelaksanaan penyasaran subsidi diesel pada 10 Jun lalu, data menunjukkan pengurangan ketara

jualan diesel dari stesen minyak.

Mengulas lanjut, beliau berkata, pada awal Jun lalu, purata jualan harian diesel dari stesen minyak di seluruh semenanjung adalah 28.6 juta liter sehari dan sejak pelaksanaan penyasaran subsidi diesel, ia berkurangan kepada 22.2 juta liter sehari.

Menurutnya lagi, pengurangannya adalah sebanyak 6.5 juta liter sehari atau 23 peratus jualan diesel dari stesen minyak di Se-

menanjung dan daripada jumlah yang dinyatakan, boleh anggaran jumlah ketirisan yang dapat dielakkan bernilai lebih RM250 juta sebulan.

"Kesimpulan ini disokong dengan data yang menunjukkan jualan diesel secara komersil meningkat sebanyak 4.8 juta liter sehari bagi tempoh perbandingan yang sama.

"Pada masa yang sama, terdapat stesen minyak di kawasan utara yang berdekatan dengan sempadan mengalami kejatuhan jualan diesel sehingga 40 hingga 50 peratus sekali gus menunjukkan penurunan aktiviti penyeludupan ke negara jiran disebabkan pengurangan margin keuntungan penyeludupan," katanya

HARIAN METRO

15 JUL 2024

7 peniaga halang tempat awam kena tindakan, barang disita ^{15/4} 8/4

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengenakan tindakan terhadap tujuh peniaga yang dikesan menghalang tempat awam di Wangsa Maju, Khamis lalu.

DBKL menerusi hantaran di Facebook memaklumkan, operasi tindakan khas pindah halangan ke atas premis dan peniaga itu dijalankan menerusi Jabatan Penguatkuasaan bersama Pejabat Cawangan Wangsa Maju.

Katanya, operasi itu dijalankan hasil daripada pemantauan dan rondaan yang dijalankan.

"Tujuh peniaga dikenakan tindakan pindah halangan di bawah Seksyen 46(1)(d), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 atas kesalahan meletakkan barangan yang berkaitan dengan perniagaan di tempat awam.

"Antara barangan yang disita adalah gerai, kanopi, meja lipat dan bangku," katanya.

Semua barangan itu dibawa ke Setor Sitaan Jalan Lombong, Taman Miharja Cheras untuk rekod dan

dokumentasi.

"DBKL akan meneruskan tindakan dan pemantauan dari semasa ke semasa di lokasi yang dikenal pasti," katanya.

Orang awam juga boleh menyalurkan maklumat di <http://adukl.dbkl.gov.my>.

Sementara itu, dalam satu lagi hantaran di Facebook, DBKL melalui Jabatan Penguatkuasaan, Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran, Jabatan Perancangan Infrastruktur, Jabatan Pengangkutan Bandar dan Jabatan Integriti melaksanakan Tindakan Khas Kerja Korekan Jalan Awam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL).

Tindakan itu membabitkan Jalan Sungai Besi, Jalan Kuchai Lama, Jalan Syed Putra, Jalan Cheras, Jalan Raja Abdullah, Jalan Genting Kelang dan Jalan Kilang, Kuala Lumpur yang bermula pada jam 10.00 malam, Jumaat lalu dan berakhir jam 4.00 pagi Sabtu.

Menerusi pemeriksaan pematuan prosedur operasi standard (SOP) dan tindakan penguatkuasaan ke atas mana-mana individu atau kontraktor yang me-

langgar garis panduan bagi menjalankan apa-apa aktiviti membabitkan kerja korekan jalan seperti melakukan kerja pembaikan melebihi waktu yang ditetapkan, tidak meletakkan papan tanda isyarat lalu lintas, menutup jalan tanpa kebenaran, melonggokkan sisa di atas jalan awam serta tidak mengutamakan kebersihan dan keselamatan di atas jalan awam.

Hasil daripada pemeriksaan di tujuh lokasi yang berbeza di sekitar WPKL, DBKL telah mengesan beberapa kesalahan yang melanggar SOP kerja korekan jalan dan mengeluarkan sebanyak 10 notis kesalahan am terhadap kontraktor.

Tindakan penguatkuasaan dilakukan menerusi kesalahan di bawah Akta Jalan Parit Dan Bangunan 1974 (lapan notis), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (satu notis) dan Undang-undang Kecil Pengangkutan Bahan (WPKL) 1997 (satu notis).

Pemantauan dan tindakan penguatkuasaan ini akan diteruskan dari semasa ke semasa di 11 kawasan parlimen di WPKL.

Isu kenaikan
cukai taksiran

Selangor perlu beri lebih masa kepada penduduk

Sungai Buloh: Kerajaan negeri perlu memberi lebih ruang dan masa kepada penduduk untuk mengemukakan bantahan terhadap kenaikan cukai taksiran yang dijangka dilaksanakan bermula tahun hadapan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Jaras, Datuk Dr Ab Halim Tamuri, berkata masih ada penduduk di kawasannya yang belum menerima notis berkenaan daripada Majlis Perbandaran Kuala Selangor.

"Penduduk diberikan tempoh untuk mengemukakan bantahan sehingga esok (hari ini). Notis pun tak sampai lagi macam mana penduduk nak buat penilaian untuk bantahan... pada saya tempoh diberikan agak pendek.

"Saya juga beri pandangan bahawa notis ini perlu dilihat secara komprehensif, iaitu pertama bila nak naik (cukai taksiran) apakah perkhidmatan akan diterima (pembayar cukai). Contohnya mengenai jalan, lampu, sampah, potong rumput dan sebagainya mesti dipastikan okey baru boleh dinaikkan cukai.

"Kalau naik dengan 'servis' sama, saya rasa ia tidak adil kepada penduduk," katanya selepas menyerahkan sumbangan kepada Khairana Sabtu, bali pengacara rancangan dokumentari *Majalah 3*, Allahyarham Abdullah Sidek Majin di Saujana Utama, di sini, malam kelmarin.

Abdullah Sidek meninggal dunia akibat kanser limfoma di Hospital Slim River, Perak, pada 29 Mei lalu.

Mengulas lanjut, Ab Halim berkata, jika perkhidmatan diberikan kepada penduduk bagus, pasti kenaikan cukai taksiran pada kadar sesuai boleh diterima.

"Pada saya sebelum kenaikan perlu dibuat satu kajian, walaupun EXCO Kerajaan Tempatan kata nak buat kajian, bagi saya ia perlu membabitkan semua penduduk khususnya wakil penduduk.

"Sekurang-kurangnya buat satu libat urus bersama penduduk supaya mereka boleh mendengar pihak kerajaan dan pihak kerajaan pun perlu mendengar mereka, kena ada timbal balas.

"Kritikan daripada rakyat sebenarnya positif sebab mereka mahu kebaikan, justeru kena ada komunikasi dengan baik dan rakyat akan faham.

"Harapan saya pada kerajaan negeri tengok balik dan jawatan kuasa pastikan semua pihak terlibat selain perlu pastikan perkhidmatan diberikan itu setimpal dengan jumlah cukai yang akan dinaikkan," katanya.

BERITA HARIAN
Tarikh..... 15 JUL 2024

5 rumah urut kena serbu, 56 warga asing ditahan

Operasi imigresen
tingkat usaha
banteras aktiviti
pelacuran
di ibu kota

Kuala Lumpur: Jabatan Imigresen menyerbu lima rumah urut di sekitar ibu kota dalam usaha membanteras kegiatan pelacuran dan menahan 56 warga asing pada Rabu lalu.

Serbuan kira-kira jam 9.30 malam di sekitar Bukit Bintang itu dijalankan pasukan Imigresen Putrajaya susulan aduan awam mengenai pendatang asing tanpa izin (PATI) terbabit dengan aktiviti tidak bermoral yang ber-

selindung di sebalik rumah urut di kawasan tumpuan pelancong.

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Ruslin Jusoh berkata, ketika serbuan, pasukan berdepan cabaran kerana lokasi premis kedai dua tingkat yang terletak di tengah pusat bandar menjadikan laluan masuk sesak dengan kehadiran pelancong dan kenderaan sekali gus menyukarkan pergerakan masuk ke sasaran.

"Bagaimanapun, seramai 91 individu terdiri daripada 61 warga asing dan 30 warga tempatan diperiksa.

"Hasil pemeriksaan, 56 warga asing berusia 20 hingga 50 tahun membabitkan warga Bangladesh, Myanmar, Thailand dan Sudan ditahan atas pelbagai kesalahan," katanya dalam kenyataan semalam.

Selain itu, Ruslin berkata, dua warga tempatan yang dipercayai berperanan sebagai penjaga pre-

mis turut ditahan untuk siasatan lanjut.

Beliau berkata, semua tahanan ditempatkan di Depot Imigresen Bukit Jalil untuk siasatan lanjut.

Dedah lubuk

Katanya, kes disiasat mengikut Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963.

Harian Metro pada 22 Jun lalu mendedahkan lubuk kegiatan pelacuran tertua sekitar Pudu, Kuala Lumpur termasuk pelacur yang bersepah mencari pelanggan di sebuah medan selera di

Jalan Gelang dan Jalan Kalong diserbu.

Isu terbabit turut mendapat perhatian Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang percaya wujudnya elemen rasuah berkaitan isu pelacuran di ibu negara yang masih tidak selesai sejak sekian lama.

Akhbar turut mendapat reaksi Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Dr Zaliha Mustafa yang dilaporkan berkata dalam usaha menjamin keharmonian dan kesejahteraan warga kota, perbincangan lanjut untuk memperluaskan terma rujukan KL Strike Force akan di-

adakan supaya tindakan bersepadu dapat diambil untuk membanteras aktiviti pelacuran di seluruh Kuala Lumpur.

Manakala, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar juga sudah arahkan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi) untuk membuat siasatan lanjut seperti dibangkitkan.

Penganalisis jenayah dan pakar kriminologi, Datuk Shahul Hamid Abd Rahim turut mendesak semua pihak berpadu tenaga menghentikan kegiatan ekonomi gelap itu.



Jabatan Imigresen menahan 56 orang warga asing dalam operasi penguatkuasaan di lima premis urut sekitar Bukit Bintang, Rabu lalu.

(Foto ihsan FB IJM)

BERITA HARIAN

Tarikh.....1.5...JUL...2024.....

Cadangan akta baharu bendung buli siber

Pemilik platform media sosial tak terlepas tindakan

Kerajaan serius cari jalan penyelesaian cegah, banteras jenayah internet

Oleh Essa Abu Yamin dan Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Digital mencadangkan undang-undang baharu dipertimbangkan dengan meletakkan tanggungjawab kepada pemilik platform media sosial bagi sebarang penyalahgunaannya, termasuk dalam kes buli siber.

Menterinya, Gobind Singh Deo, berkata ketika mesyuarat Kabinet, Jumaat lalu, beliau bersama Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil, serta Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said, membangkitkan isu buli siber, terutama berkait kes kematian pengengaruh TikTok, A Rajeswari atau lebih dikenali sebagai Esha, baru-baru ini.

"Saya mencadangkan agar undang-undang baharu dipertimbangkan untuk meletakkan tanggungjawab terhadap tuan punya (pemilik) platform (media sosial), bagi memastikan tiada

penyalahgunaan berlaku dan sekiranya ada, tindakan segera boleh diambil untuk menghalang keadaan sedemikian daripada berterusan.

"Kita perlu menghantar isyarat jelas bahawa kita serius dalam mencari jalan penyelesaian untuk masalah ini dan semua pihak berkaitan mempunyai peranan penting yang perlu dilaksanakan bagi tujuan itu," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Mengulas lanjut, Gobind berkata, undang-undang sedia ada khususnya Akta Komunikasi dan Multimedia, Kanun Keseksan serta Akta Jenayah Komputer sememangnya wujud dan boleh dikuatkuasakan.

"Kami perlu memastikan platform yang didirikan adalah selamat dari sudut keselamatan siber, perlindungan data peribadi dan yang penting sekali, ia tidak disalahgunakan oleh mana-mana pihak.

"Kes buli siber mesti dipandang serius dan ditangani dengan segera. Kita harus me-

mastikan undang-undang digubal untuk mengelak berlaku sebarang penyalahgunaannya dan sekiranya berlaku, tindakan pantas harus diambil," katanya.

Keadilan untuk mangsa

Gobind berkata, kementeriannya menyokong usaha Menteri Komunikasi untuk memperkukuh perundangan sedia ada atau memperkenalkan undang-undang baharu yang berkaitan pada masa depan.

"Saya amat yakin bahawa pihak berkuasa akan mengambil tindakan yang sewajarnya dan keadilan dapat dilaksanakan untuk semua mangsa.

"Kementerian saya juga sedia membantu di dalam perkara ini sekiranya sebarang bantuan diperlukan," katanya.

Kelmarin, Fahmi pada sidang media pasca mesyuarat Jemaah Menteri di Putrajaya, memaklumkan bahawa Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu tindakan tegas diambil oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

(MCMC) serta Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi menghentikan buli siber daripada berterusan.

Jurucakap Kerajaan Perpaduan itu berkata, pihaknya juga sudah menghubungi pihak TikTok dan memaklumkan kepada mereka untuk bertanggungjawab dan bersedia untuk memberikan kerjasama erat serta akan bertemu dengannya minggu depan.

Isnin lalu, media melaporkan, seorang wanita tempatan ditahan bagi membantu siasatan berhubung kes ugutan atau buli siber terhadap Rajeswari.

Kes itu disiasat mengikut Seksyen 506 Kanun Keseksan kerana ugutan jenayah, Seksyen 233 Akta Komunikasi Multimedia 1998 atas kesalahan menyebarkan kenyataan jelik dan Seksyen 14 Akta Kesalahan Kecil 1995 kerana kelakuan aib.

Rajeswari, 30, ditemukan meninggal dunia di sebuah kondominium di Setapak pada 4 Julai, dipercayai ada kaitan dengan tekanan dhadapinya kerana menjadi mangsa buli siber.

Dalam perkembangan berkaitan, Ketua Polis Daerah Sentul, Asisten Komisioner Ahmad Sukarno Mohd Zahari mengesahkan setakat ini 11 individu dirakam keterangan bagi membantu siasatan itu.

Beliau berkata, kertas siasatan berhubung kes ugutan melalui aplikasi TikTok terhadap Esha akan dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya, hari ini.

Kita harus memastikan undang-undang digubal untuk mengelak berlaku sebarang penyalahgunaannya dan sekiranya berlaku, tindakan pantas harus diambil



Gobind Singh Deo,
Menteri Digital

BERITA HARIAN

Tarikh.....1.5.JUL.2024.....

'Sepatutnya sudah lama dilaksanakan'

Kuala Lumpur: Pakar keselamatan siber dan aktivis masyarakat menyokong cadangan meletakkan tanggungjawab kepada pemilik platform bagi sebarang penyalahgunaan media sosial, termasuk buli siber.

Mereka sependapat, masalah berkait dengan media sosial dilihat semakin sukar dibendung sehingga berlakunya kes bunuh diri akibat tidak tahan dibuli.

Malah, mangsa juga mengalami tekanan kerana kandungan yang dimuat naik mungkin dikongsi semula hanya semata-mata ingin mendapatkan trafik yang tinggi dalam akaun pengguna berkenaan.

Pakar keselamatan siber, Fong Choong Fook, berkata seharusnya pengendali platform media sosial perlu beri perhatian khusus kepada kandungan yang dimuat naik serta menjalinkan kerjasama erat dengan

pihak berkuasa.

"Sekiranya pengendali ini bekerjasama dengan pihak berkuasa, jika mereka menerima laporan berkaitan sesuatu kandungan yang dimuat naik, pihak berkuasa boleh ambil tindakan, termasuk mengarahkan supaya kandungan itu diturunkan daripada media sosial.

"Malah, pengguna media sosial yang sebariskan kandungan itu juga perlu diambil tindakan, kuncinya perlu adanya jalinan kerjasama. Jika tidak isu seperti penyalahgunaan atau buli siber ini tidak dapat dikekang," katanya kepada *BH*, semalam.

Choong Fook berkata, selain tindakan terhadap pengendali platform media sosial itu, ibu

bapa juga perlu memainkan peranan dengan memantau penggunaan media sosial anak mereka.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pengguna Siber Malaysia (MCCA), Siraj Jalil, berpendapat cadangan meletakkan tanggungjawab kepada pemilik platform media sosial itu sepatutnya sudah lama dilaksanakan.

"Seharusnya sudah ada keperluan sejak dahulu lagi, malah kajian berkaitan isu ini juga sudah dilakukan sejak 2020. Kajian dibuat menggunakan perbandingan antara New Zealand dan Australia.

"Jika di Australia, ada Suruhanjaya Keselamatan untuk memantau segala yang berlaku

di dalam internet. Malaysia juga seharusnya mengambil langkah sama untuk membanteras jenayah dalam internet," katanya.

Siraj turut meminta supaya kerajaan mewartakan buli siber sebagai satu perbuatan jenayah.

"Ini kerana mengikut Akta Komunikasi kini, hanya ada lima teras utama antaranya akaun palsu, kenyataan jelic serta lucah, namun istilah seperti buli siber tiada dalam akta itu.

"Jika isu ini di bawah Akta Komunikasi sedia ada, hukuman yang diberikan tidak berat iaitu hanya dikenakan denda sahaja. Ia mungkin tidak adil kepada mangsa, kerana kesan yang dicituskan sangat teruk sehingga ada mangsa membunuh diri.

"Jika tidak ke tahap itu pun, mangsa mungkin mengalami kemurungan atau hadapi masalah kesihatan mental," katanya.



Fong Choong Fook

BERITA HARIAN

Tarikh.....1.5...JUL...2024...

Pengekalan OPR bantu kukuhkan ringgit

um
15/7

Oleh YATIMIN ABDULLAH
yatimin.abdullah@mediamulla.com.my

TUMPAT: Langkah Bank Negara Malaysia (BNM) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 3.00 peratus membantu mengukuhkan ringgit sekali gus meletakkan mata wang negara itu di kedudukan pertama antara negara serantau.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan berkata, pendekatan itu sangat baik untuk sistem kewangan menerusi dasar akomodatif yang membantu menggerakkan perkembangan perniagaan.

"Seperti mana yang kita lihat, ringgit pada Jumaat lalu berada sekitar 4.68 berbanding dollar Amerika, dan sudah semakin konsisten di bawah paras 4.70. Alhamdulillah, dalam enam bulan kebelakangan ini, kita dapat melihat prestasi ringgit yang bertambah baik.

"Strategi bersepadu Kerajaan Madani di antara Kementerian Kewangan dan BNM telah memperlihatkan prestasi ringgit semakin mengukuh. Sehingga 11 Julai, kita dapat melihat ringgit berada di kedudukan pertama antara negara serantau dengan peningkatan sekitar dua peratus," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Pengkalan Kubor di sini, semalam.

Amir Hamzah memberitahu, antara usaha yang dilakukan oleh kerajaan termasuk galakan pendapatan langsung asing oleh syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan



AMIR Hamzah Azizan menyantuni kakitangan Jabatan Kastam Diraja Malaysia semasa mengadakan lawatan ke Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Pengkalan Kubor di Tumpat, Kelantan, semalam. - UTUSAN/KAMARUL BISMI KAMARUZAMAN

dibawa balik ke negara ini.

Katanya, situasi itu membantu meningkatkan interaksi dengan pengeksport untuk menukar hasil mereka kepada ringgit.

"Pada masa mereka turut memantau penukaran hasil eksport dan import, memperkukuhkan ekonomi tempatan dan meneruskan reformasi fiskal yang dijanjikan.

"Dengan usaha bersepadu ini, dan pengurusan fiskal yang efisien dan berdisiplin, saya yakin dan percaya prestasi mata wang pada separuh kedua 2024 akan bertambah baik," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau berkata, kerajaan mampu menyelamatkan RM1.5 bilion wang negara dalam tempoh enam bulan tahun ini daripada aktiviti penyelewengan dan penyeludupan menerusi langkah penyasaran subsidi diesel yang bermula 10 Jun lalu.

Kata beliau, andaian itu berpandukan kepada putara jualan diesel di Semenanjung Malaysia turun sebanyak 22.2 juta liter sehari.

Menurutnya, sebelum penyasaran subsidi itu diperkenalkan, jualan diesel di stesen-stesen minyak Semenanjung berjumlah 28.6 juta liter sehari.

"Ini bermakna jualan diesel turun kepada 6.5 juta liter sehari bersamaan 23 peratus. Mengambil kira tiada faktor untuk mendorong pengurangan kegunaan diesel kenderaan di Semenanjung antara Jun dan Julai, kerajaan dapat simpulkan bahawa sebelum penyasaran subsidi diesel, sekurang-kurang 6.5 juta liter sehari telah diseleweng sama ada oleh industri atau diseludup ke negara jiran.

"Daripada jumlah itu, kerajaan anggarkan jumlah ketirisan yang dapat dielakkan berjumlah RM250 juta sebulan," katanya.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 15 JUL 2024

4 negeri berpotensi bangun teknologi hijau

KUALA TERENGGANU: Empat negeri dikenal pasti berpotensi dibangunkan teknologi hijau dalam industri pemerangkapan, penggunaan dan penyimpanan karbon (CCUS) di negara ini selepas 2025.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, selain Terengganu yang mempunyai kelebihan sebagai peneraju industri tersebut, tiga lagi negeri ialah Pahang, Sabah dan Sarawak.

Menurutnya, empat negeri tersebut mempunyai kelebihan menjalankan aktiviti CCUS kerana mempunyai telaga-telaga minyak yang sudah tidak digunakan, selain memiliki fasiliti terminal petroleum dan gas yang sedia ada.

Katanya, industri tersebut bakal menarik pelabur asing

yang bernilai tinggi dalam lingkungan RM20 bilion untuk setiap satu fasiliti CCUS yang lengkap daripada terminal sampai ke luar pesisir pantai.

"Kementerian Ekonomi sedang bekerjasama dengan keempat-empat buah negeri ini bagi memastikan perancangan CCUS berada dalam keadaan baik supaya pelanggan luar negara boleh menilai kemajuan dan potensi projek ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Sesi Libat Urus Bersama Kerajaan Negeri Terengganu Mengenai Pelaksanaan Inisiatif CCUS Di Malaysia, di sini, semalam.

CCUS merupakan salah satu projek rintis dalam Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara

(NETR).

Dalam perkembangan sama, beliau berkata, Terengganu mempunyai kelebihan dalam pembangunan teknologi tersebut kerana mempunyai fasiliti sedia ada di Kerteh, Kemaman.

Tambahnya, kerajaan negeri dan Persekutuan akan menjadi pemudah cara bagi memastikan perancangan mengenainya dapat disusun dengan baik seterusnya memberi kesan limpahan ekonomi terhadap negeri tersebut.

"Di peringkat kerajaan Persekutuan kita sedang memuktamadkan Rang Undang-Undang untuk dibentangkan pada November 2024 bagi melahirkan industri CCUS di Malaysia," katanya.

Ditanya pihak yang menunjukkan minat untuk melabur

dalam sektor tersebut, Rafizi berkata, keputusan mengenai pelaburan akan dibuat selepas Rang Undang-Undang itu dimuktamadkan.

"Perbincangan dengan pelabur-pelabur dan pelanggan-pelanggan antarabangsa yang akan menggunakan CCUS ini sedang berjalan dan keputusan itu juga mungkin akan dimuktamadkan pada 2025," ujarnya.

Sementara itu, Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Dr. Ahmad Samsuri Mokhtar berkata, kerajaan negeri telah mengadakan perbincangan awal dengan Petronas sebagai syarikat pengendali supaya anak syarikat kerajaan negeri (GLC) dapat turut sama dan menyokong usaha ke arah pembangunan CCUS.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh:1.5...JUL...2024...

RENTING LICENCES FROM MALAYSIANS

FOREIGNERS TAKING OVER BUSINESS AREAS

They are using 'Ali Baba' tactics to run businesses

AUSTIN CAMOENS
AND JASMINE SHADIQE
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

SIX months ago, the authorities, led by the police's General Operations Force, carried out a massive operation to weed out undocumented migrants in Jalan Silang here.

The street is called mini-Dhaka as it is a hub of foreigner-operated shops.

Many of these shops are licensed to Malaysians who lease the premises to foreigners who run the businesses, a practice called "Ali Baba".

After the operation six months ago, which looked like a scene from a Hollywood blockbuster, Jalan Silang was deserted for the next few days. It did not stay that way for long.

Checks by the *New Straits Times* found that foreign businesses were soon back as if the crackdown never happened.

Foreigners operate all kinds of businesses, including textile, groceries, mobile phones and toys, as well as food stalls and butchers.

Several foreign men were seen selling fish from cooler boxes by the roadside.

But this is not a problem that's confined to Kuala Lumpur.

In **Kuantan's** Jalan Bukit Ubi and Jalan Tun Ismail, foreign workers throng sundry shops and eateries manned by their countrymen.

Malaysian-owned businesses close by 7pm, but those run by foreigners receive a steady stream of customers late into the night, raising concerns among residents.

"They manage grocery stores selling vegetables, essential items and fruits," said Lim Seng, himself a fruit seller.

"Residents own the businesses here and rent their licence to foreigners."

"The authorities conducted an operation several weeks ago, but no action was taken and the traders are operating as usual," he said.

Housewife Salmiah Samad, 32,



Shops in Kuala Lumpur believed to be run by foreigners. PIC BY HAZREEN MOHAMAD

wants the authorities to come down hard on foreign-run businesses, which she claims have "conquered" parts of Kuantan.

"It is time for the authorities to conduct a large-scale inspections of business premises and shut down those operating illegally," she said.

In **George Town**, residents are frustrated about the presence of foreign traders in Jalan Gurdwara, Jalan Magazine, Jalan Macalister, Jalan Penang, Jalan Datuk Keramat, Batu Ferringhi and Persiaran Karpal Singh.

Leah, 40s, a local business owner on Jalan Gurdwara, said George Town had significantly changed due to the influx of foreign traders.

"I walked into one of the grocery stores and found it to be cramped."

"Some of these stores sell raw chicken, and when they transfer the poultry from the lorry or car to their shops, there's fluid and sometimes blood dripping. They just leave it as it is."

Cheng, a retiree in his 60s, said some foreign-run shops on Jalan Datuk Keramat and Jalan Gurdwara were murky and smelly.

In **Kota Baru**, foreigners are setting up businesses in villages and main roads, selling everything from fruits, sundries, carpets, and furniture, and some have even set up car washes.

"At the Wakaf Che Yeh night market, many businesses are owned by foreigners," said trader Hussin Abdullah, claiming this was also the case in Kampung Kota and Jalan Pekeliling.

He said many of these foreign-

ers were married to residents and used their Malaysian spouse's name on their signboards.

In **Johor Baru**, traders say foreign-run businesses, including unlicensed ones, undermine local, tax-paying businesses.

Cafe operator Din said one of the most common "Ali Baba" businesses was "Kedai Acheh", which he described as "all-in-one tuck shops".

He said many products sold at "Kedai Acheh" were usually expired, raising concerns about quality and safety.

Din said he was concerned that workers at foreign-owned eateries might not have the vaccinations required by the authorities.

Johor Gemilang Malay Vendors and Small Traders secretary-general M.T.S. Qairy Maheeran said local traders were impacted by the growing number of illegal foreign traders.

"They do not contribute to the economy, they do not spend in Johor, and get their products from their home countries. Their profits are sent back home."

He said United Nations High Commissioner for Refugees card holders ran businesses.

"Those staying in flats do not patronise the local-owned shops below because these card-holders peddle goods door to door," he said.

In **Kulim, Kedah**, however, residents said there were no more foreigners doing business there following raids. Additional reporting by T.N. Alagesh, Audrey Dermawan, Sharifah Mahsinah Abdullah and Ahmad Mukhsin Mukhtar

NEW STRAITS TIMES
15 JUL 2024
Tarikh:

Of civil service and tough love

The battle ahead

COME December, the million-odd civil servants in the country will get a pay rise of more than 13 per cent. The last revision was 12 years ago. Most deserve it, but not all. Malingering as a public service culture hasn't disappeared. A few evade duty by pretending to work. Visit government offices and one notices a few seats vacant very early in the morning. This is most noticeable in departments that deal with the public. Who knows what happens beyond our ken? If one is into the game of spotting them in canteens, a rich harvest is guaranteed. Ages ago, before the introduction of clocking-in, one diligent director-general of a government department did exactly that and what a harvest he came up with. Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim is, therefore, right to say that annual salary increments shouldn't be automatic, meaning they must be performance-based. Granted, Anwar was speaking in the context of time-based promotions for teachers, but the principle must apply to civil servants of all stripes. Civil servants are paid to produce something and if that is delayed, defective or not delivered at all, their performance is, to that extent, deficient. No customer will pay for a blemished or an unfinished product. Why should the government? A malingering civil servant and his diligent colleague can't be remunerated the same way.

A malingering civil servant and his diligent colleague can't be remunerated the same way.

But one important issue for the Malaysian civil service is: how to get an ancient behemoth built on security and stability of tenure to one driven by performance? Not easy, but there is a whiff of change in the air, thanks to the nation's financial and debt issues. As they say, when the going gets tough, the tough get going. If in the past people signed up to the civil service because it guaranteed jobs for life. Now it is not uncommon for new recruits to be put on contract. Perhaps this gives the civil service an opportunity to see if the person is a performer or not, a tenure of probation of sorts. It also gives the one on contract the chance to see if he fits in well in the work environment. It has come to our knowledge that a few fresh graduates on contract have not had their contracts renewed. It is unclear if the reason is performance-related or budgetary issues. Pension, an attraction second only to a secure tenure, is gone, too, for new entrants.

Things are changing, but not quick enough for the people. The Auditor General's Reports support such a conclusion. Government entities of every name and size make their infamous appearance in the reports. Some even make a reappearance. Yet it is business as usual until another AG Report falls on the prime minister's table with a heavier thud. Like it or not, the AG Report is a key performance indicator. It must be treated as such.

NEW STRAITS TIMES
Tarikh:1.5..JUL..2024.

'PLATFORMS MUST PREVENT MISUSE'

Minister wants new law to compel social media owners to take action

KUALA LUMPUR

DIGITAL Minister Gobind Singh Deo has proposed enacting a new law that would place accountability for social media misuse, including cyberbullying, on the owners of the platforms.

He said he, together with Communications Minister Fahmi Fadzil and Minister in the Prime Minister's Department (Law and Institutional Reform) Datuk Seri Azalina Othman Said, brought up the cyberbullying issue, including the recent death of TikTok influencer A. Rajeswary, who was known as Esha, at Friday's cabinet meeting.

"I also suggested that a new law be considered to place the responsibility on platform owners to ensure that misuse does not occur and if it does, immediate action be taken to prevent such a situation.

"We need to send a clear signal that we are serious in looking for a solution to this problem and every related party has a vital role to play," he said in a statement on Saturday.

He added that existing laws, especially the Communications and Multimedia Act, the Penal Code and the Computer Crimes Act, were enforceable.

"We need to ensure that platforms are safe in terms of cybersecurity and personal data protection and, most importantly, cannot be misused by anyone.

"Cyberbullying cases must be taken seriously and tackled immediately. We need to ensure that laws are drafted to avoid misuse and if it occurs, swift action is taken," Gobind said, adding that his ministry supported the efforts of the communications minister to strengthen laws or to introduce new ones.

Fahmi announced at a post-cabinet meeting media conference that Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim had asked the Malaysian Communications and Multimedia Commission and the police to take stern action against cyberbullying cases.

The unity government spokesman said the prime minister expressed his disappointment about the cyberbullying incident that led to the death of a TikTok influencer recently.

Meanwhile, Sentul police chief Assistant Commissioner Ahmad Sukarno Mohd Zahari told the NST that a two-day remand extension has been obtained on the lorry driver arrested over cyberbullying, which allegedly led to the death of the influencer.



(From left) Gobind Singh Deo, Fahmi Fadzil, Assistant Commissioner Ahmad Sukarno Mohd Zahari, Saral James Maniam

He said the suspect would be remanded until tomorrow to facilitate investigations.

"To date, we have recorded statements from 11 witnesses in connection with the case.

"The investigation paper will be referred to the deputy public prosecutor's office for further instruction tomorrow (today)," he said yesterday.

It was reported that the 44-year-old suspect was being investigated under Section 505(b) of the Penal Code and Section 233 of the Communications and Multimedia Act for making statements with the intent to cause fear or alarm to the public and induce any person to commit an offence against the state or public tranquility, as well as misuse of network facilities, respectively.

The suspect, known as "Dulal Brothers" on the Internet, was detained in Setapak at 6.30pm on

Wednesday.

On the same day, police also obtained a remand extension for a female suspect allegedly linked to the case.

Non-governmental organisations have urged the government to implement stricter regulations on social media platforms.

Malaysian Association of Standards Users secretary-general Saral James Maniam said social media companies must establish internal anti-cyberbullying policies in line with local cultures and norms.

She told Bernama that according to a poll by the United Nations Children's Fund (Unicef) and the UN Special Representative on Violence against Children, 28 per cent of 6,953 young people in Malaysia have reported being victims of online bullying.

National Coalition for Mental

Wellbeing chairman Siti Aidah Mustaffa said the call for action in social media reform had long been on the coalition agenda.

"There have been too many incidents of social media influencing and affecting vulnerable minds. This has been increasing not necessarily leading to suicidal thoughts, but the impact on our minds, children and adults has also significantly changed our behaviours and uses.

"The addiction and reliance on social media have become apparent in today's social environment, affecting how we think, speak and act.

"We have to keep up with the speed of technology as it evolves in seconds. Hence, government regulation of social media digital platforms may help reduce the risks and threats."

NEW STRAITS TIMES

Tarikh:1..5..JUL..2024..